



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN DEPOSIT

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan risalah yang dikeluarkan Agrobank (“Bank”) mengikut jenis akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang telah dibuka dan sebarang pengendalian yang dibuat ke atas Akaun Deposit ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah:

1. DEFINISI

- Akaun Bersama** : merujuk kepada Akaun Deposit yang dibuka dan dikendalikan sekurang-kurangnya oleh dua (2) individu dan tidak lebih dari lima (5) orang.
- Akaun Deposit** : merujuk kepada Akaun GIRO, Akaun Simpanan, Akaun Deposit Berjangka termasuk mana-mana akaun yang telah atau baru diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- ATM** : merujuk kepada mesin tunai automatik atau mesin kendalian kad yang menerima kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain di bawah rangkaian PayNet atau rangkaian VISA ATM Global yang mengambil bahagian.
- Bank** : merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad atau dikenali sebagai “Agrobank” termasuk cawangan-cawangannya serta penerima serah hak.
- Baki Akhir Harian** : merujuk kepada jumlah yang masih dalam akaun pada hari tersebut, tidak termasuk jumlah terapung.
- Baki Pegangan** : merujuk jumlah deposit yang dianggarkan oleh Bank dan jumlah yang belum didebitkan dari akaun bagi Transaksi Kad yang dijalankan.
- BNM** : merujuk kepada Bank Negara Malaysia.
- Borang Permohonan** : merujuk kepada Borang Pembukaan Akaun Deposit sebagaimana yang diisi oleh Pelanggan dengan butiran yang diperlukan bagi pembukaan akaun.
- Caj-caj** : merujuk kepada caj-caj perbankan oleh Bank untuk apa-apa perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan selaras dengan dasar/arahan/garis panduan daripada BNM.
- DFIA** : merujuk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) seperti dipinda atau disemak dari semasa ke semasa dan termasuk apa-apa pengubahsuaian statutori, pindaan atau enakmen semula dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.
- Had Belian** : merujuk kepada had maksimum yang dibenarkan oleh Pemegang Kad yang boleh digunakan di ruang kedai peniaga yang dibenarkan.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- Had Harian** : merujuk kepada had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank bagi pengeluaran tunai dan transaksi runcit yang dibuat dalam satu (1) hari.
- Harga Belian Bank** : merujuk kepada jumlah wang yang perlu dibayar oleh Bank bagi mengambil alih pemilikan ke atas Komoditi dari pihak Pelanggan secara Murabahah (Harga Kos + Keuntungan) sebagai sebahagian dari pelaksanaan transaksi Tawarruq.
- Harga Kos** : merujuk kepada jumlah prinsipal deposit Pelanggan bagi membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi secara tunai.
- Hari Perniagaan** : merujuk kepada hari di mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan menjalankan transaksi perniagaan.
- Hamish Jiddiyah** : merujuk kepada amaun yang diperoleh Pelanggan hasil dari akujanji (wa'd) Bank bagi membeli Komoditi daripada Pelanggan. Nilai tersebut akan dianggap sebagai deposit sekuriti sehingga transaksi jual beli komoditi selesai dilaksanakan.
- Hibah** : merujuk kepada pemindahan pemilikan aset atau hadiah daripada Penderma kepada Penerima dilakukan tanpa sebarang syarat pertimbangan atau ganjaran.
- Kad Agro Visa Debit-i** : merujuk kepada mana-mana kad debit Visa yang dikeluarkan oleh Bank bagi membolehkan Pemegang Kad mempunyai akses elektronik kepada Akaun Simpanan/GIRO di Agrobank serta menjalankan transaksi perbankan tertentu tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan.
- Kadar Keuntungan Efektif (KKE)** : merujuk kepada kadar keuntungan yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi pengiraan keuntungan terakru yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/GIRO pelanggan yang menggunakan kontrak Syariah Tawarruq.
- Kadar Keuntungan Siling (KKS)** : merujuk kepada kadar siling yang digunakan dalam pengiraan Harga Belian Bank bagi akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.
- Komoditi** : merujuk kepada jenis-jenis Komoditi yang terlibat di dalam setiap transaksi pembelian berkaitan dengan Akaun Deposit yang menggunakan kontrak Syariah Tawarruq dan dibenarkan oleh Syariah seperti minyak kelapa sawit mentah, kacang soya/minyak kacang soya mentah, getah/susu getah asli/SMR, *soap noodle*, biji koko atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- Murabahah** : merujuk kepada Harga Kos dicampur dengan Keuntungan di mana jumlah tersebut perlu dimaklumkan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam transaksi Tawarruq.
- MyDebit** : merujuk kepada penggunaan kad bagi pembelian dengan memasukkan PIN ke dalam terminal peruncit.
- PayNet** : merujuk kepada ‘Payments Network Malaysia Sdn Bhd (*dahulu dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MEPS)*)’.
- Pelanggan** : merujuk kepada pemegang akaun dan pendeposit termasuk individu, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun dan yang mana berkenaan, wakil yang dilantik dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- Perbankan Internet** : merujuk kepada sistem perbankan internet yang membolehkan Pelanggan melaksanakan transaksi perbankan di atas talian yang dikendalikan oleh Pengendali Bank yang dijamin.
- Perkhidmatan** : merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berhubung dengan akaun atau berdasarkan arahan dari pemegang akaun atau melalui ATM, mesin deposit tunai, mesin deposit cek, telefon, telefon bimbit dan internet.
- PIN** : merujuk kepada nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad.
- POS** : merujuk kepada “*Point Of Sale*”.
- Rebat (Ibra’)** : merujuk kepada ‘pengecualian ke atas hak tuntutan’ yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang disebabkan olehnya. Ini adalah terpakai bagi Akaun Deposit yang menggunakan kontrak Syariah Tawarruq di mana Pelanggan bersetuju untuk memberi rebat (ibra’) kepada pihak Bank ke atas Harga Belian Bank pada Tarikh Matang atau Tarikh Tamat Tempoh Akad.
- Slip Jualan** : merujuk kepada resit yang dikeluarkan oleh peniaga yang dibenarkan selepas sesuatu transaksi.
- SST** : merujuk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah peruntukan Cukai Jualan 2018 dan Cukai Perkhidmatan 2018.
- Surat Kuasa Perintah** : merujuk kepada suatu pemberian perwakilan dari Mahkamah Tinggi atau Pentadbir Tanah Daerah secara formal atau rasmi melantik seseorang atau beberapa orang yang diberikan dengan pemberian perwakilan berkenaan



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

dengan kuasa-kuasa untuk menguruskan aset-aset dan liabiliti-liabiliti si mati, sama ada sebagai "Pentadbir" dalam kes pemberian Surat Kuasa Pentadbir atau sebagai "Wasi" dalam kes Geran Probet.

- Tarikh Kemasukan** : merujuk kepada tarikh di mana transaksi deposit dikreditkan atau dilunaskan ke dalam Akaun Deposit Pelanggan.
- Tarikh Matang** : merujuk kepada tarikh atau tempoh luput bagi kontrak Murabahah.
- Tarikh Penamatan** : merujuk kepada tarikh di mana Pelanggan membuat penyelesaian awal Harga Belian Bank sebelum Tarikh Matang.
- Tarikh Sah** : merujuk kepada tarikh luput yang dicetak pada kad.
- Tarikh Tamat Tempoh Akad** : merujuk kepada tarikh atau tempoh matang bagi kontrak Murabahah. Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi Akaun Simpanan/GIRO ditetapkan pada 31 Disember pada setiap tahun. Pembaharuan akad akan dilaksanakan oleh Pihak Ibu Pejabat Agrobank pada Hari Perniagaan seterusnya setelah Tarikh Tamat Tempoh Akad.
- Terma & Syarat** : merujuk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam risalah ini dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak Bank dan hendaklah terpakai untuk semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan jenis Akaun Deposit yang sebaliknya.
- Transaksi Kad** : merujuk kepada transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan kad termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, pembelian runcit, pembelian dalam talian, pemindahan dana, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- VISA** : merujuk kepada Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di State of Delaware, beribu pejabat di 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State of California, United States of America 94404 yang mana Bank adalah ahli utama.
- VISA Paywave** : merujuk kepada penggunaan kad dengan menyentuh kad dengan jarak empat sentimeter (4cm) pada terminal peruncit untuk pembelian.
- Wakalah** : merujuk kepada kontrak agensi di mana satu (1) pihak akan melantik satu (1) pihak yang lain sebagai agennya bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu secara sukarela atau dengan mungkin dikenakan caj atau fi. Di bawah transaksi Tawarruq, Pelanggan akan melantik pihak Bank dengan melaksanakan akad semasa pembukaan akaun di mana pihak Bank akan menjadi agen belian dan jualan bagi pihak Pelanggan berhubung dengan



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

pembelian dan penjualan Komoditi.

2. PRINSIP SYARIAH

Prinsip Syariah yang digunakan adalah seperti berikut:-

2.1 QARD

2.1.1 Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang dari pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah yang sama dengan amaun pinjaman. Bank sebagai peminjam dalam situasi ini akan bertanggungjawab untuk membayar balik kesemua deposit dari pihak Pelanggan (pemberi pinjaman) apabila diminta, tertakluk kepada prosedur Bank.

2.1.2 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk menggunakan sebahagian atau keseluruhan wang simpanan tersebut di dalam mana-mana aktiviti perbankan (pembiayaan atau pelaburan) yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dan yang dibenarkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan dan BNM.

2.2 TAWARRUQ

2.2.1 Tawarruq terdiri daripada dua (2) kontrak iaitu kontrak jualan dan kontrak pembelian di mana transaksi yang pertama melibatkan penjualan aset (Komoditi) kepada pembeli dengan bayaran secara tertangguh dan transaksi berikutnya yang melibatkan penjualan aset (Komoditi) kepada pihak ketiga dengan bayaran secara tunai.

2.2.2 Di bawah transaksi ini, Bank bertindak sebagai wakil bagi pihak Pelanggan akan membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi secara tunai mengikut Harga Kos (jumlah prinsipal deposit Pelanggan). Seterusnya, Bank akan mengambil alih pemilikan Komoditi dengan membuat pembelian daripada pihak Pelanggan (Bank bertindak sebagai agen jualan) berdasarkan konsep Syariah Murabahah (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tertangguh. Seterusnya, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai.

2.2.3 Bank akan membeli Komoditi daripada Pelanggan setelah Bank (sebagai wakil Pelanggan) membeli Komoditi tersebut daripada Pembekal Komoditi. Bagi menunjukkan kesungguhan Bank dalam melaksanakan transaksi pembelian Komoditi dari pihak Pelanggan, Bank akan membayar deposit sekuriti (Hamish Jiddiyah) kepada Pelanggan (sekiranya perlu) di mana setelah transaksi pembelian Komoditi berjaya dilaksanakan, deposit sekuriti tersebut akan menjadi sebagai sebahagian daripada penyelesaian Harga Belian Bank yang perlu dibayar.

2.2.4 Transaksi Agensi. Perlantikan pihak Bank sebagai agen bagi melaksanakan urusniaga jual dan beli Komoditi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit dan terma dan syarat berikut hendaklah digunakanapakai:

- a. Pelanggan bersetuju bahawa pelantikan Bank sebagai agen (wakil) berdasarkan prinsip Syariah Wakalah (Kontrak Perwakilan) dan Bank menerima pelantikan



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

untuk melaksanakan Transaksi Perwakilan bagi pihak Pelanggan berdasarkan Terma dan Syarat yang dinyatakan.

- b. Sehubungan dengan kuasa, budi bicara, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah bertindak sebagai agen bukan eksklusif dan terhad setakat yang diperuntukkan dengan nyata dalam Terma dan Syarat ini dan yang berkaitan dengan Transaksi Perwakilan dari semasa ke semasa dan Bank hendaklah sebaliknya tidak dianggap sebagai agen untuk dan bagi pihak Pelanggan dalam sebarang aspek-aspek yang lain.
- c. Kesemua pihak bersetuju bahawa pelantikan Bank sebagai agen berkuatkuasa apabila Bank menerima persetujuan daripada Pelanggan untuk pelantikan Bank sebagai agen Pelanggan melalui Borang Permohonan Pembukaan Akaun Deposit atau mana-mana medium komunikasi yang diterimapakai oleh kesemua pihak.
- d. Melalui pelantikan agen tersebut, Bank hendaklah membeli Komoditi bersamaan dengan harga yang dinyatakan oleh Pelanggan secara tunai daripada Pembekal Komoditi. Transaksi pembelian Komoditi akan dilaksanakan oleh pihak Bank pada Hari Perniagaan yang berikutnya berdasarkan laporan harian bagi transaksi pembelian Komoditi. Mana-mana transaksi pembelian yang dijalankan bagi pihak Pelanggan, Bank hendaklah mendaftarkan pemilikan Komoditi tersebut atas nama atau rekod yang merujuk kepada Pelanggan.
- e. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian Komoditi yang dibuat oleh pihak Bank sebagai wakil Pelanggan juga boleh dilaksanakan secara pukal melibatkan pembelian bagi pihak pelanggan-pelanggan yang lain.
- f. Pelanggan bersetuju bahawa pembelian yang dibuat oleh Bank sebagai wakilnya adalah berdasarkan asas sedia ada ("as is where is basis") dan Pelanggan bersetuju mengenepikan tanggungan Bank terhadap sebarang kerosakan dan/atau kecacatan barang yang dibeli oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
- g. Merujuk kepada Perkara 2.2.4 (d), Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank akan memberikan pendahuluan berdasarkan prinsip Syariah Qard (Pinjaman) untuk menampung Harga Kos bagi pembelian Komoditi bagi pihak Pelanggan sekiranya baki deposit Pelanggan pada hari pelaksanaan pembelian Komoditi adalah kurang daripada jumlah yang dinyatakan dalam laporan harian bagi transaksi pembelian Komoditi. Walaubagaimanapun, jumlah penyelesaian Harga Belian Bank hendaklah mengambil kira jumlah bersih setelah ditolak (muqassah) dengan jumlah pendahuluan Bank.
- h. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan, setelah selesai setiap Transaksi Pembelian Komoditi, Bank hendaklah membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) berdasarkan konsep Syariah Murabahah (harga kos dicampur keuntungan) dengan bayaran secara tangguh. Setiap transaksi Belian Murabahah hendaklah dibuat pada tarikh yang sama setelah



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

transaksi pembelian Komoditi selesai.

- i. Setelah selesai transaksi jualan, Bank bertindak bagi pihak Pelanggan hendaklah segera memindahkan pemilikan, hak dan kepentingan Komoditi kepada Bank dan Pelanggan hendaklah dengan segera membolehkan Bank mengambil alih pemilikan Komoditi tersebut.
- j. Pelanggan adalah berhak untuk meminta pada bila-bila masa dari Bank dan Bank hendaklah dalam keadaan sedemikian menyediakan butiran transaksi jualan yang dibuat oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
- k. Pelantikan Bank sebagai agen Pelanggan juga berkuatkuasa bagi aktiviti pembaharuan secara automatik (“auto-renewal”) dan penempatan deposit baru (“new deposit placement”) bagi Pelanggan sedia ada.
- l. Pembaharuan secara automatik adalah tertakluk kepada Kadar Keuntungan semasa yang ditetapkan oleh pihak Bank pada tarikh pembaharuan kecuali mendapat kelulusan pihak Bank untuk meneruskan pada kadar istimewa.

2.2.5 Belian Murabahah. Transaksi Belian Murabahah yang akan dilakukan antara pihak Bank dan Pelanggan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:

- a. Setelah Bank bertindak sebagai wakil Pelanggan membeli Komoditi, Bank akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil) dengan menandatangani tawaran Pembelian Murabahah pada Skrip Akad Jual Beli Murabahah-(Deposit) dan seterusnya Bank (sebagai wakil Pelanggan) hendaklah menandatangani penerimaan Belian Murabahah pada skrip akad jual beli Murabahah-(Deposit) yang sama, melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Pelanggan sebelum itu bahawa Pelanggan memilih untuk memiliki Komoditi tersebut.
- b. Belian Murabahah di antara Bank dengan Pelanggan (Bank sebagai wakil) hendaklah berlaku pada hari yang sama setelah pihak Bank membeli Komoditi tersebut bagi pihak Pelanggan.
- c. Apabila skrip akad jual beli Murabahah-(Deposit) sempurna ditandatangani, Belian Murabahah dianggap telah berlaku dan selesai menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.
- d. Pembayaran Harga Belian Bank bagi setiap Belian Murabahah hendaklah dibuat oleh Bank kepada Pelanggan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- e. Kesemua pihak bersetuju bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk mengeluarkan apa-apa jumlah Harga Belian Bank daripada akaun Pelanggan di Bank sebelum Tarikh Matang deposit.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- f. Bagi sebarang pengeluaran awal Harga Jualan yang dibuat oleh Pelanggan berkenaan dengan Belian Murabahah sebelum Tarikh Matang deposit, Pelanggan bersetuju memberi Ibra' (rebate) kepada Bank berdasarkan formula yang ditentukan oleh Bank.
- g. Sekiranya deposit sekuriti (Hamish Jiddiyah) dibayar secara pendahuluan (upfront), Pelanggan bersetuju bahawa deposit sekuriti tersebut tidak boleh digunakan sebelum pelaksanaan Belian Murabahah selesai.

3. PEMBUKAAN AKAUN

3.1 Permohonan pembukaan akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh komuniti, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun pada borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada polisi dan prosedur pihak Bank termasuk umur, deposit permulaan minimum (seperti jadual di bawah), dan dokumen-dokumen rujukan sokongan seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat tersebut dari semasa ke semasa.

3.1.1 Akaun Simpanan/GIRO

No	Jenis Akaun	Kategori Akaun	Deposit Permulaan Minimum
1.	AgroBSA-i	Individu / Amanah / Bersama	RM20.00
2.	AgroPerdana-i (Akaun GIRO)	Individu (Buku) - Warganegara	RM20.00
		Individu - Bukan Warganegara	RM50.00
		Individu / Bukan Individu (Penyata)	RM100.00
		Agensi Kerajaan / Cash Line	-
		Akaun Kutipan	RM1,000.00
3.	AgroPerdana-i PLUS (Akaun GIRO)	Bukan Individu (Penyata)	RM100.00
		Agensi Kerajaan / GLC	RM1,000.00
		Akaun Kutipan	RM1,00.00
4.	AgroTani-i	Individu	RM20.00
		Individu / Amanah (Foreign)	RM50.00
		Bersama / Bukan Individu	RM100.00
5.	AgroTani-i PLUS	Individu - Warganegara	RM50.00
		Bersama - Warganegara	RM100.00
		Individu – Bukan Warganegara	RM100.00
		Bersama – Bukan Warganegara	RM100.00
6.	AgroMuda-i	Amanah	RM5.00
7.	AgroMuda-i PLUS	Amanah / Minor	RM10.00
		Akaun Luar (External)	RM100.00



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

3.1.2 Deposit Berjangka

No	Jenis Produk	Kategori Akaun	Deposit Permulaan Minimum (per sijil/penyata)	
1.	Fixed Return Islamic Account- <i>i</i> (FRIA- <i>i</i>)	Individu Bersama Bukan Individu	Keuntungan/Tempoh	Amaun
			Deposit Sekuriti secara 'upfront'	RM5,000
			1 bulan	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
2.	FRIA- <i>i</i> 45PLUS	Individu Bersama	Keuntungan/Tempoh	Amaun
			Deposit Sekuriti secara 'upfront'	RM5,000
			1 bulan	RM5,000
			3 bulan & ke atas	RM1,000
3.	AgroPrimaS	Individu Bersama Bukan Individu	RM500.00	

- 3.2 Pihak Bank boleh menolak mana-mana permohonan Pelanggan untuk membuka Akaun Deposit tanpa memberikan sebarang notis bertulis dan jika perlu, untuk memberi nasihat kepada Pelanggan untuk tindakan selanjutnya. Walaubagaimanapun, notis bertulis akan diberikan sekiranya permohonan pembukaan Akaun AgroBSA-*i* Pelanggan ditolak oleh pihak Bank.
- 3.3 Pelanggan dikehendaki membuat perisyiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan adalah terikat dengan Terma dan Syarat bagi Akaun Deposit dan bersetuju untuk membuat deposit di bawah prinsip Syariah yang ditetapkan.
- 3.4 Sebarang jumlah wang yang didepositkan atau apa-apa jumlah wang yang didepositkan seterusnya ke dalam akaun dengan Bank hendaklah berdasarkan prinsip Syariah yang ditetapkan. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak mana-mana deposit yang dikategorikan sebagai tidak memenuhi kriteria dan ketetapan Syariah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- 3.5 Transaksi di bawah Agro Basic Savings Account-*i* (AgroBSA-*i*)

- 3.5.1 Pelanggan akan dibenarkan untuk menjalankan sejumlah enam belas (16) transaksi perbankan yang berikut:-

- a. Enam (6) lawatan percuma bagi transaksi yang dijalankan melalui kaunter Bank. Caj Ringgit Malaysia Lima Puluh Sen (RM0.50) bagi setiap lawatan akan dikenakan bagi lawatan ketujuh (7) dan ke atas;



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- b. Lapan (8) transaksi percuma bagi pengeluaran wang yang berjaya melalui ATM (ini tidak termasuk transaksi pertanyaan baki simpanan atau pemindahan wang ke akaun lain). Caj transaksi sebanyak Ringgit Malaysia Satu (RM1.00) bagi setiap pengeluaran akan dikenakan bagi pengeluaran kesembilan (9) dan ke atas; dan
- c. Dua (2) transaksi Interbank GIRO (IBG) yang pertama hanya dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sen (RM0.50) per transaksi. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Dua (RM2.00) bagi setiap transaksi akan dikenakan selepas dua (2) transaksi IBG yang pertama.

Atau Pelanggan AgroBSA-i boleh memilih transaksi perbankan yang berikut;

- 3.5.2 Pengeluaran di ATM dan Transaksi Kaunter Tanpa Had.
 - a. Pelanggan berumur di bawah enam puluh (60) tahun
Pemegang Akaun diberi pilihan untuk membayar caj Fi Tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan (RM8.00) untuk bilangan pengeluaran di ATM dan transaksi kaunter yang tiada had.
 - b. Pelanggan berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas (warga emas)
Pengeluaran di ATM dan transaksi kaunter tanpa had. Caj Fi Tahunan adalah dikecualikan.
- 3.6 Bagi Akaun Deposit Berjangka, Sijil atau Penyata Akaun akan dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pelanggan setelah akaun tersebut dibuka dan Pelanggan telah mendeposit jumlah simpanan pada Tarikh Kemasukan bagi membolehkan Pelanggan (Bank sebagai wakil) membeli komoditi bagi transaksi Tawarruq.
- 3.7 Bagi permohonan Kad Agro Visa Debit-i, Pelanggan hendaklah berusia dua belas (12) tahun ke atas (termasuk Bukan Pemastautin Malaysia) semasa tarikh permohonan kad. Sekiranya Akaun Simpanan/GIRO adalah akaun bersama, hanya SATU (1) kad akan dikeluarkan oleh Bank berdasarkan kuasa tandatangan yang diberikan dan dipersetujui oleh pemegang akaun.
- 3.8 Bagi pemilik berdaftar syarikat pemilikan tunggal yang memiliki Akaun GIRO dengan Bank, Pelanggan adalah layak untuk memohon SATU (1) kad di bawah nama syarikat perniagaan tunggal. Kad hanya boleh dipegang atau digunakan oleh pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal tersebut.
- 3.9 Pemegang Kad akan diberikan PIN semasa penyerahan kad dan perlu menukarinya semula kepada PIN peribadi. PIN tersebut adalah bertujuan untuk membuat transaksi di ATM. Pemegang Kad hendaklah tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana masukkan debit dalam akaun simpanan akibat daripada mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- 3.10 Walau bagaimanapun, Pihak Bank mempunyai hak untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan kad yang diterima.

4. PENGENDALIAN AKAUN

- 4.1 Bagi Akaun Simpanan/GIRO, Pelanggan boleh mengeluarkan atau mendepositkan wang di ATM/CDM atau di kaunter Bank pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.
- 4.2 Pelanggan yang ingin membuat pengeluaran wang hendaklah hadir sendiri ke Bank, dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta Buku Akaun, Sijil atau Penyata Akaun (jika berkenaan). Baki akaun yang dikendalikan oleh Individu, pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan. Walaubagaimanapun, pengecualian adalah diberikan bagi akaun Bukan Individu di mana pengeluaran wang melalui kaunter Bank boleh dilaksanakan oleh wakil yang dilantik oleh Penandatangan yang diberikuasa bagi akaun tersebut, tertakluk kepada prosedur semasa Bank.
- 4.3 Bagi Akaun Simpanan/GIRO, jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui Mesin Teler Automatik ("ATM") dan Mesin Deposit Tunai ("CDM") adalah tertakluk kepada denominasi yang tersedia manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1.00) kecuali penutupan akaun dan baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah seperti jadual di bawah kecuali bagi akaun AgroPerdana-i bagi Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Agen Kutipan.

No.	Nama Produk	Baki Minimum
1.	AgroBSA-i	RM20.00
2.	AgroPerdana-i (Penyata)	RM 100.00
3.	AgroPerdana-i (Buku – Warganegara)	RM 10.00
4.	AgroPerdana-i (Buku – Bukan Warganegara)	RM 50.00
5.	AgroPerdana-i PLUS (Akaun Bukan Individu)	RM100.00
6.	AgroPerdana-i PLUS (Agensi Kerajaan/Kutipan)	RM0.00
7.	AgroTani-i	RM 10.00
8.	AgroTani-i PLUS (Akaun Perseorangan / Bersama)	RM10.00
9.	AgroTani-i PLUS (Akaun Luar)	RM20.00
10.	AgroMuda-i	RM 10.00
11.	AgroMuda-i PLUS (Akaun Amanah/Minor)	RM10.00
12.	AgroMuda-i PLUS (Luar)	RM20.00

- 4.4 Bagi Akaun GIRO AgroPerdana-i untuk Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Agen Kutipan, baki Ringgit Malaysia Sifar (RM0.00) adalah dibenarkan.
- 4.5 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak Pelanggan sendiri di mana-mana cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan bukti pengenalan diri serta Buku Akaun (jika berkenaan). Jumlah pengeluaran tunai yang dibenarkan tanpa notis adalah tertakluk kepada polisi semasa Bank.
- 4.6 Tiada had nilai pengeluaran cek antara cawangan dan tertakluk kepada baki tunai akaun Bank di cawangan berkenaan.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- 4.7 Akaun akan ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan keseluruhan baki dalam akaun.
- 4.8 Pihak Bank adalah berhak untuk menutup mana-mana akaun Pelanggan dengan memberi notis terlebih dahulu secara bertulis dan pihak Bank tidak terikat untuk mengemukakan sebarang sebab.
- 4.9 Caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), sekiranya berkenaan, akan dikenakan terhadap Akaun Simpanan/GIRO yang ditutup kurang dari tempoh tiga (3) bulan dari tarikh ia dibuka.
- 4.10 Akaun Simpanan/GIRO akan ditutup secara automatik sekiranya ia berbaki sifar (0) bagi enam (6) bulan berturut-turut. Notis akan dikeluarkan kepada Pelanggan sebelum penutupan secara automatik dilakukan.
- 4.11 Proses pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun Deposit adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara pihak Bank.

5. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 5.1 Apabila menerima Kad, Pemegang Kad hendaklah mengesahkan Kad untuk penggunaan dengan menandatangani pada panel tandatangan di belakang Kad. Pemegang Kad juga akan diberikan PIN untuk Kad. Pemegang Kad tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan PIN kepada mana-mana individu di dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini (seperti yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender).
- 5.2 Pemegang Kad hanya boleh menggunakan Kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di premis perniagaan yang patuh Syariah sahaja. Pemegang Kad harus mengaku dan bersetuju dan mematuhi bahawa jika Kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di premis perniagaan yang tidak patuh Syariah, Bank berhak untuk menarik, menggantung dan/atau membatalkan penggunaan Kad tersebut.
- 5.3 Pemegang Kad hendaklah tidak membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan Kad dan tidak boleh memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan Kad, atau menggunakan Kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 5.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad untuk pembelian barang dan/atau perkhidmatan menerusi Internet, laman web atau portal, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Pemegang Kad bersetuju bahawa memasukkan maklumat Kad di Internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku. Walau bagaimanapun, Bank berhak atas budi bicaranya untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian menerusi Perbankan Internet sekiranya Bank



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat bahawa transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk dilakukan atau atas sebarang sebab lain.

- 5.5 Pemprosesan transaksi yang dibuat menggunakan kad debit akan ditentukan oleh peniaga runcit.
- 5.6 Kad Agro Visa Debit-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank berhak untuk menamatkan kemudahan Kad Agro Visa Debit-i jika Pemegang Kad didapati menggunakan Kad untuk aktiviti yang tidak sah.

6. PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-i BAGI TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 6.1 Apabila Pemegang Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi hendaklah dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan oleh Visa atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli, atas budi bicara.
- 6.2 Bagi yang mana berkenaan, Pemegang Kad hendaklah memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan apa-apa transaksi luar negara.
- 6.3 Pemegang Kad juga hendaklah memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk berada di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari.

7. PEMBAYARAN BALIK SELEPAS TRANSAKSI KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 7.1 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apa pun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keengganinan untuk menerima Kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan. Pemegang Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan peniaga yang dibenarkan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari akaun Pemegang Kad dalam tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 7.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim Kad membenarkan Pemegang Kad untuk caj sesuatu transaksi kembali kepada peniaga yang dengannya transaksi telah dibuat sama ada dalam jumlah penuh atau sebahagian darinya (jika hak untuk pembayaran balik dibenarkan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian secara bertulis telah dibuat kepada Bank oleh Pemegang Kad dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari kalendar dari tarikh pengeposan urusniaga tersebut di dalam penyata akaun Pemegang Kad dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong pembayaran balik dalam tempoh yang diminta.
- 7.3 Walau apa pun dan tanpa menjelaskan keluasan klausa di dalam Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad bersetuju secara nyata bahawa penggunaan Kad adalah atas risiko sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

penggunaan Kad.

8. BUDI BICARA BANK BAGI PEMEGANG KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 8.1 Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara dan tanpa memberi notis atau sebab terlebih dahulu untuk menolak sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan walaupun baki semasa dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan Transaksi Kad yang dikemukakan itu.
- 8.2 Bank berhak mengikut budi bicaranya tanpa memberi sebarang sebab untuk: -
 - a. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad atas sebab-sebab keselamatan, sepenuhnya atau berkenaan dengan kemudahan tertentu, dan / atau
 - b. Enggan mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad, tanpa menjelaskan obligasi Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pembayaran balik yuran tahunan akan dipulangkan jika hak untuk menggunakan Kad digantung sedemikian oleh Bank atau jika Kad tidak diperbaharui atau diganti.
 - c. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan bagi apa-apa urus niaga dengan perniagaan tidak halal / aktiviti tidak patuh Syariah.

9. PENGECAULIAN LIABILITI BAGI PENGGUNAAN KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 9.1 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas keengganan mana-mana peniaga atau institusi ahli Visa untuk menunaikan atau menerima Kad atau untuk apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak lain oleh mana-mana peniaga. Sebarang aduan oleh Pemegang Kad hendaklah diselesaikan secara terus dengan peniaga dan institusi ahli Visa berkenaan dan tiada tuntutan terhadap peniaga atau institusi ahli Visa tersebut boleh ditolak dan dibuat tuntutan balas terhadap Bank.
- 9.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa jua sebab ke atas gantirugi yang ditanggung atau kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad dalam apa jua keadaan sama ada atau tidak keadaan tersebut berkaitan atau timbul daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan Kad tidak diterima atas apa-apa sebab jua oleh mana-mana peniaga, orang atau badan, penolakan Kad oleh mana-mana ATM, sekatan kerana tidak memperbaharui Kad atau pembatalan kemudahan atau di bawah mana-mana keadaan dimana Bank akan bertanggungjawab untuk bertindak dengan munasabah bagi melindungi hak-haknya di bawah peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.
- 9.3 Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya ia tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pertikaian perusahaan, peperangan, bencana alam atau apa-apa yang di luar kawalan Bank, pekerjanya atau agennya.
- 9.4 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara bagi apa-apa kecederaan kepada watak dan reputasi Pemegang Kad di dalam dan tentang penarikbalikan Kad atau apa-apa



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

permintaan untuk dipulangkan.

- 9.5 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara kepada Pemegang Kad atas sebarang kesukaran, kerugian, kerosakan atau rasa malu dalam apa jua bentuk yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa penafian transaksi yang dikemukakan.
- 9.6 Pemegang Kad tidak boleh menyerahkan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

10. HIBAH, KEUNTUNGAN DAN REBAT (IBRA')

10.1 AKAUN DEPOSIT BERASASKAN KONTRAK QARD (AKAUN SIMPANAN/GIRO)

Pembayaran Hibah adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank. Hibah (sekiranya ada) akan dibayar kepada pihak Pelanggan pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan akan dikredit pada setiap bulan atau pada jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank. Hibah (sekiranya ada) akan dikira setiap hari atau dengan apa-apa cara yang dianggap munasabah oleh Bank.

10.2 AKAUN DEPOSIT BERASASKAN KONTRAK TAWARRUQ

10.2.1 Deposit Berjangka

- a. Pembayaran keuntungan oleh Bank kepada pihak Pelanggan boleh dibuat secara bulanan, setengah tahunan, tahunan atau mana-mana tempoh masa mengikut kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tertakluk kepada jenis produk atau kewenangan menggunakan formula yang berikut:-

Pengiraan Keuntungan

$$\text{Keuntungan} = P \times R \times T / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)

R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.

T = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kemasukan sehingga Tarikh Matang.

Pengiraan Harga Belian Bank

$$\text{Harga Belian Bank} = \text{Jumlah Prinsipal} + \text{Keuntungan}$$

- b. Pelanggan hendaklah memberikan rebat (ibra') kepada pihak Bank sekiranya berlaku mana-mana dari kejadian berikut:
 - (i) Pengeluaran pramatang dibuat dalam tempoh kurang tiga (3) bulan dari Tarikh Kemasukan di mana pihak Bank tidak akan membayar sebarang jumlah keuntungan dan Pelanggan perlu menanggung Fi Broker sebanyak 0.05% dari jumlah deposit atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00); yang mana lebih rendah (tertakluk bagi akaun baru sahaja).
 - (ii) Pengeluaran pramatang dibuat selepas tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

Kemasukan tetapi belum mencapai tempoh matang. Pelanggan bersetuju memberi rebat (Ibra') secara pro-rata berdasarkan formula yang ditentukan seperti berikut:-

$$\text{Rebat (Ibra')} = \text{Harga Belian Bank} - (\text{P} \times \text{R} \times \text{t}/365 \text{ atau } 366)$$

Di mana,

P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)

R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.

t = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Kemasukan sehingga Tarikh Penamatan.

(iii) Sekiranya Pelanggan mengambil deposit sekuriti secara awal (upfront), Pelanggan hanya menerima 50% daripada jumlah keuntungan pro-rata mengikut formula yang berikut:-

$$\text{Rebat (Ibra')} = \text{Harga Belian Bank} - (\text{P} \times \text{R} \times \text{t}/365 \text{ atau } 366 \times 50\%)$$

Di mana,

P = Jumlah Prinsipal di dalam Ringgit Malaysia (RM)

R = Kadar Keuntungan (%) yang dipersetujui semasa penempatan atau pembaharuan deposit.

t = Tempoh dalam bilangan hari dari Tarikh Penempatan sehingga Tarikh Penamatan.

- c. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk menolak jumlah rebat (ibra') yang diberikan Pelanggan kepada Bank dari jumlah prinsipal.
- d. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa apa-apa jumlah yang ditetapkan dan perlu dibayar oleh Bank kepada pihak Pelanggan ke dalam akaun tersebut adalah muktamad dan mengikat Pelanggan kecuali terdapat kesalahan yang nyata.
- e. Sekiranya tarikh matang deposit jatuh bukan pada Hari Perniagaan, Bank berhak melaksanakan pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya.
- f. Bagi Akaun Deposit Berjangka, melainkan Pelanggan mengemukakan suatu notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan akaun tersebut pada tarikh matang, satu transaksi pembelian yang baru akan berkuatkuasa berdasarkan pelantikan agen yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan tempoh deposit adalah selaras dengan tempoh yang dinyatakan dalam Borang Pembukaan Akaun.

10.2.2 Akaun Simpanan/GIRO

- a. Pembayaran keuntungan dikira secara harian mengikut KKE seperti yang



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Jumlah keuntungan yang terakru akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/GIRO Pelanggan pada setiap hujung bulan atau pada jangka masa yang ditentukan oleh pihak Bank. Formula yang digunakan adalah berikut:

Pengiraan Keuntungan Harian

$$\text{Keuntungan Harian} = \text{DBH} \times \text{KKE} / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian dalam Ringgit Malaysia (RM).

KKE = Kadar Keuntungan Efektif (%) bagi setiap produk atau kempen.

Pengiraan Harga Belian Bank

$$\text{Harga Belian Bank} = \text{DBH} \times \text{KKS} \times t / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian di dalam Ringgit Malaysia (RM)

KKS = Kadar Keuntungan Siling (%) bagi setiap Produk atau Kempen

T = Bilangan hari dari Tarikh Kemasukan sehingga Tarikh Tamat Tempoh Akad
(31 Disember pada setiap tahun)

- b. Struktur KKE adalah mengikut ketetapan bagi setiap produk atau kempen dan hendaklah ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut struktur yang berikut:-

(i) Kadar Rata Tunggal;

(ii) Kadar Bertingkat berdasarkan Kadar Tunggal mengikut jumlah keseluruhan deposit;

(iii) Kadar Berasingan berdasarkan KKE yang berbeza bagi setiap baki akaun yang berada dalam julat yang ditetapkan.

Pengiraan Keuntungan Harian adalah tertakluk kepada keperluan baki minimum di dalam akaun dan ketetapan pada sistem Bank.

- c. Pelanggan bersetuju memberikan rebat ('bra') kepada pihak Bank sekiranya berlaku perkara-perkara yang berikut:-

(i) Pengeluaran atau pemindahan wang simpanan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa (31 Disember pada tahun semasa);

(ii) Penutupan akaun dilakukan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa;

(iii) KKS semasa akad adalah lebih tinggi dari KKE;



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- (iv) Akaun Simpanan/GIRO dibekukan oleh Bank;
- (v) Baki Akaun Simpanan/GIRO adalah kurang dari keperluan baki minimum.

Pengiraan rebat (ibra')

Ibra' (Rebat) = Harga Belian Bank – Jumlah Keuntungan Terakru yang perlu dibayar.

- d. Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalam yang mengakibatkan KKE bagi pengiraan keuntungan harian adalah melebihi dari KKS yang diakadkan, jumlah lebihan yang dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Pelanggan tersebut akan dikira sebagai Hibah (Hadiah) daripada Pihak Bank.

11. BUKU AKAUN DAN SIJIL

- 11.1 Pelanggan perlu memastikan Buku Akaun dan/atau Sijil disimpan dengan selamat dan dikehendaki melaporkan kepada Bank dengan segera secara bertulis berkenaan kehilangan, kecurian atau kemusnahan Buku Akaun dan/atau Sijil tersebut. Sekiranya Buku Akaun dan/atau Sijil hilang, dicuri, atau musnah, Pelanggan hendaklah mengemukakan kepada Bank surat ganti rugi mengikut standard Bank yang telah dimatikan setem dengan kos dan caj-caj yang sewajarnya telah pun dibayar oleh Pelanggan (sekiranya ada) sebelum pembayaran boleh dibuat atau satu salinan Sijil boleh dikemukakan semula atau Buku Akaun baru boleh dikeluarkan oleh Bank.

12. PENYATA AKAUN

12.1 Akaun GIRO

- a. Penyata akan dihantar pada setiap bulan sekiranya terdapat transaksi pada bulan tersebut.
- b. Penyata berakhir 30 Jun dan 31 Disember akan dihantar kepada semua Pemegang Akaun.
- c. Penyata yang dikeluarkan atas permintaan Pemegang Akaun adalah tertakluk kepada Caj Perkhidmatan.
- d. Pemegang Akaun dikehendaki memeriksa setiap butiran pada penyata yang dihantar dan dengan kadar segera melaporkan kepada Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakakuratan, perselisihan, tuntutan ataupun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaian atau pengeluaran dari pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata dikeluarkan, penyata tersebut akan dianggap betul dan tepat.

12.2 Akaun Simpanan

- a. Pemegang Akaun digalakkan untuk mengaktifkan perkhidmatan perbankan di atas talian



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

AgroNet untuk akses kepada penyata. Tiada Caj Perkhidmatan dikenakan bagi pengaktifan.

- b. Pemegang Akaun dikehendaki memeriksa setiap butiran pada penyata dan dengan kadar segera melaporkan kepada Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakakuratan, perselisihan, tuntutan ataupun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaian atau pengeluaran dari pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata dikeluarkan, penyata tersebut akan dianggap betul dan tepat.

13. MESIN TELER AUTOMATIK (“ATM”)

- 13.1 Kad ATM akan dikeluarkan untuk semua akaun yang berkenaan dan bagi akaun bersama penandatangan adalah salah seorang dari Pemegang Akaun. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) akan dikenakan secara tahunan bagi pengeluaran kad ATM/VISA Debit-i.
- 13.2 Caj sebanyak Ringgit Malaysia Satu (RM1.00) akan dikenakan bagi setiap pengeluaran menggunakan ATM melalui PayNet. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (RM12.00) akan dikenakan bagi menggantikan kad ATM/VISA Debit-i yang hilang.

14. AKAUN DORMAN

- 14.1 Akaun dorman ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran atau deposit) samada melalui kaunter, ATM atau Perbankan Internet selama dua belas (12) bulan berturut-turut atau lebih dan dikira dari transaksi terakhir yang dibuat oleh Pelanggan. Namun begitu, pengecualian diberikan kepada Akaun GIRO AgroPerdana-i Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Agen Kutipan.
- 14.2 Notis akan diberikan oleh pihak Bank kepada Pelanggan secara persendirian atau secara umum yang boleh dibaca oleh pihak Pelanggan.
- 14.3 Apabila akaun diklasifikasikan sebagai dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (Pemegang Akaun) dengan mendeposit atau membuat pengeluaran di mana-mana cawangan Bank (melalui Kaunter Bank sahaja).
- 14.4 Jika tiada pengaktifan dari pihak Pelanggan dalam masa yang ditetapkan, Bank berhak untuk menutup akaun tersebut dengan baki yang dinyatakan akan diserap oleh pihak Bank sebagai Yuran Perkhidmatan. Caj perkhidmatan tahunan yang dikenakan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dan akan ditolak dari Akaun Simpanan/GIRO Pelanggan.
- 14.5 Bagi Akaun Dorman yang berbaki melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan sehingga baki deposit dihantar ke Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta Wang Tak Dituntut).



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

15. WANG TAK DI TUNTUT

- 15.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

16. PERTUKARAN BUTIRAN

- 16.1 Tiada perubahan alamat, tandatangan dan/atau butiran lain yang direkodkan dengan pihak Bank akan berkuatkuasa melainkan Pelanggan telah memberi notis kepada pihak Bank berkaitan perubahan butiran, dan tiada apa-apa yang akan terjejas dengan notis perubahan butiran yang mana pihak Bank tidak mempunyai pengetahuan pada masa sesuatu perubahan itu dibuat.
- 16.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan kadar segera sekiranya terdapat perubahan tandatangan, penukaran rakan kongsi (untuk Akaun Perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk Akaun Persatuan), penukaran pertubuhan (untuk Akaun Syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting di dalam rekod pihak Bank.
- 16.3 Bank berhak menolak untuk bertindak atas apa-apa arahan Pelanggan berkaitan dengan akaun bank Pelanggan melainkan dan sehingga Pelanggan telah mengemukakan semua dokumen yang dikehendaki oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada mandat baharu.

17. AKAUN BERSAMA

- 17.1 Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memasukkan kesemua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau instrumen boleh niaga dibayar kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan menyerahkan sebarang instrumen boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada salah seorang dari pemegang akaun bersama.
- 17.2 Jika Bank ragu-ragu tentang apa-apa arahan yang diberikan oleh salah seorang daripada pemegang akaun bersama atau lebih berkaitan dengan pengendalian akaun bersama, Bank berhak meminta pengesahan bertulis daripada semua pemegang akaun bersama sebelum melaksanakan arahan tersebut tanpa bertanggungjawab terhadap sesiapa daripada pemegang akaun bersama kerana berbuat demikian.
- 17.3 Semua pemegang akaun bersama dan berasingan bagi semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut. Jika Bank menerima arahan yang bercanggah, Bank boleh memilih untuk bertindak hanya menurut mandat kesemua pemegang akaun bersama dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap walau apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan ganti rugi sekalipun disebabkan oleh keengganinan Bank untuk bertindak tanpa mandat tersebut.
- 17.4 Pemegang akaun bersama hendaklah mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk melindungi dan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan,



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

perbicaraan, kos perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana ia berlaku disebabkan oleh arahan dari mana-mana pemegang akaun bersama.

- 17.5 Pemegang akaun bersama bersetuju membenarkan, sekiranya berlaku kematian, kebankrapan atau ketaksiuman ke atas mana-mana pemegang akaun bersama, segala transaksi termasuk pengaktifan, pengeluaran wang dan penutupan akaun bersama akan dikendalikan sepenuhnya oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup. Apa-apa baki kredit dalam akaun bersama boleh dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup, yang bukan bankrap atau yang siuman mengikut yang berkenaan, tertakluk pada pematuhan statutori (jika perlu) dengan undang-undang yang relevan yang diguna pakai pada masa itu, tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh pemegang akaun bersama yang hidup terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank akibat pembayaran tersebut.

18. AKAUN SI MATI

- 18.1 Bagi semua jenis akaun selain akaun bersama, pemohon boleh membuat tuntutan ke atas akaun si mati dan/atau simpanan yang melibatkan si mati sehingga Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00), tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh pemohon terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat terhadap Bank akibat pembayaran yang dibuat oleh Bank dengan mengemukakan Sijil Kematian asal berserta salinan, Surat Akuan Berkanun dan Jaminan Gantirugi serta dokumen-dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 18.2 Pemohon hendaklah berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mengikut turutan seperti berikut:
- (i) Pemegang Amanah
 - (ii) Suami/ Isteri/ Anak-anak berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas
 - (iii) Ibubapa/ Penjaga yang sah
 - (iv) Adik-beradik kandung/ tiri
 - (v) Saudara-mara terdekat dengan bukti hubungan dengan si mati
- 18.3 Bagi permohonan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) dan ke atas untuk akaun selain akaun bersama, permohonan boleh dilakukan oleh pemohon setelah mendapat Surat Kuasa Perintah atau perintah daripada Pengarah Insolvensi Malaysia yang diterima pakai oleh pihak Bank (mana-mana yang terpakai).
- 18.4 Bagi akaun bersama sahaja, permohonan boleh dibuat seperti berikut:
- 18.4.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup dengan mengemukakan sijil kematian asal berserta salinan, Surat Akuan Berkanun dan Jaminan Gantirugi serta dokumen-dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 18.4.2 Bagi akaun bersama melibatkan satu penandatangan yang dibenarkan:
- 18.4.2.1 Salah seorang meninggal dunia
Wang di dalam akaun bersama tersebut hendaklah diserahkan kepada



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

pemegang akaun bersama yang masih hidup setelah Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun yang masih hidup tersebut.

18.4.2.2 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut hendaklah diserahkan kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup setelah Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun yang masih hidup tersebut.

18.4.2.3 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima Suratkuasa Perintah daripada Wasi atau Pentadbir harta si mati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan dalam Suratkuasa Perintah.

18.4.2.4 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan, Bank akan menyerahkan keseluruhan wang tersebut kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah.

18.4.3 Tertakluk kepada Seksyen 18.4.1 di atas, bagi akaun bersama yang melibatkan dua atau lebih penandatangan yang dibenarkan:

18.4.3.1 Salah seorang meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup berserta kebenaran bertulis daripada semua penandatangan yang dibenarkan yang lain dan Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

18.4.3.2 Dua atau lebih meninggal dunia

Wang di dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima permohonan daripada pemegang akaun bersama yang masih hidup berserta kebenaran bertulis daripada semua penandatangan yang dibenarkan yang lain dan Suratkuasa Perintah bagi membolehkan akaun tersebut diaktifkan semula.

18.4.3.3 Salah seorang meninggal dunia dan pemegang akaun bersama yang masih hidup adalah *minor*

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan sehingga Bank menerima Suratkuasa Perintah daripada Wasi atau Pentadbir harta si mati. Bank hendaklah menyerahkan wang di dalam akaun tersebut sepertimana dinyatakan di dalam Suratkuasa Perintah. Bayaran oleh Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun bersama tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

18.4.3.4 Semua meninggal dunia

Wang di dalam akaun tersebut akan dibekukan. Bank akan menyerahkan keseluruhan wang kepada Wasi atau Pentadbir harta kepada mana-mana pemegang akaun bersama yang pertama sekali membuat permohonan dengan mengemukakan Suratkuasa Perintah. Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

18.4.4 Bayaran oleh pihak Bank berhubung dengan jumlah baki di dalam akaun tersebut hendaklah menjadi pelepasan yang sempurna oleh pihak Bank berkenaan akaun tersebut.

- 18.5 Sekiranya permohonan melibatkan akaun amanah di mana kanak-kanak telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, kanak-kanak tersebut boleh membuat penutupan akaun tanpa mengira jumlah baki akaun setelah pihak bank mendapat pengesahan bahawa pemegang amanah telah meninggal dunia.
- 18.6 Pengeluaran akaun si mati dan/atau melibatkan si mati adalah tertakluk kepada polisi Bank dari semasa ke semasa.

19. PEMBEKUAN AKAUN DAN PENAMATAN KHIDMAT KAD AGRO VISA DEBIT-i

- 19.1 Pihak Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengikut budi bicaranya dan tanpa apa-apa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menjalankan pembekuan akaun antara lainnya tidak melaksanakan atau menjalankan apa-apa transaksi termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran apa-apa wang, cek atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan pembayaran daripada akaun Pelanggan dan/atau pungutan cek, deposit wang atau apa-apa instrumen lain atau apa-apa arahan untuk melaksanakan penerimaan bayaran ke dalam akaun Pelanggan ("Pembekuan Akaun") tetapi tidak terhad kepada berlakunya mana-mana satu daripada peristiwa yang berikut :-
- a. Menurut keperluan di bawah undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, enakmen atau polisi Bank.
 - b. Jika Pemegang Akaun meninggal dunia, jika Pemegang Akaun adalah Individu, atau penandatangan yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun bagi perkongsian dan/atau syarikat atau apa-apa entiti yang sah tertentu. Bank akan terus melaksanakan Pembekuan Akaun sehingga mandat baru atau penandatangan yang dibenarkan yang baru diberikan kepada Bank.
 - c. Apabila Bank diberitahu atau menyedari bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan kebankrapan dan/atau petisyen untuk pembubaran atau untuk kebankrapan telah dikemukakan terhadap Pelanggan.
 - d. Sekiranya Bank menerima laporan polis dibuat sama ada oleh pihak Bank atau mana-mana pihak berkenaan dengan akaun.



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- e. Apabila Bank mengetahui tentang keupayaan mental Pelanggan untuk menguruskan akaun Pelanggan adalah diragui.
 - f. Apabila Bank mengesyaki apa-apa aktiviti penipuan berhubung dengan Akaun Deposit dan Bank mengikut pendapat penuh dan munasabahnya berpandangan bahawa maklumat / dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan Akaun Deposit didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau salah nyataan identiti.
 - g. Apabila Bank diberitahu dan/atau diminta oleh mana-mana pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada BNM, polis atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa ("Pihak Berkuasa") untuk tidak membuat apa-apa transaksi di bawah Akaun Deposit Pelanggan.
 - h. Apabila Bank mengetahui tentang aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga dengan polis atau Pihak Berkuasa lain bahawa Akaun Deposit telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi fraud dan/atau deposit dan/atau komplot dan/atau mencari deposit haram dengan syarat budi bicara Bank untuk membekukan Akaun Deposit adalah menurut pendapat dan budi bicara penuhnya berdasarkan penyiasatan dalaman Bank sendiri atau maklumat yang diberikan kepada Bank oleh polis dan/atau Pihak Berkuasa.
- 19.2 Bagi Kad Agro Visa Debit-*i*, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad dengan notis bertulis tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatan, dengan syarat Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad telah menyalahgunakan Kad atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Selepas penamatan tersebut, Kad akan dibatalkan serta-merta sama ada Kad dipulangkan oleh Pemegang Kad kepada Bank atau tidak.
- 19.3 Pemegang Kad pada bila-bila masa boleh menamatkan penggunaan Kad dengan menghantar notis bertulis kepada Bank dan memulangkan Kad kepada Bank. Walau bagaimanapun, tiada pemulangan yuran tahunan atau sebahagian daripadanya akan dibuat.
- 20. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL**
- 20.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan dan garis panduan BNM dan badan-badan lain yang berkaitan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa (termasuk pindaan, pengubahsuaian, peningkatan, pertukaran, penggantian yang dibuat daripadanya).
- 21. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**
- 21.1 Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini, atau pelanggaran, penamatan atau ketidaksahan apa-apa perkara di dalam Terma dan Syarat ini, bolehlah diselesaikan setakat mana yang boleh melalui rundingan dan persetujuan bersama.
- 21.2 Kesemua pihak tidak dapat mencapai persetujuan bersama di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas notis daripada mana-mana Pihak yang berkenaan, maka pertikaian hendaklah



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

diselesaikan melalui timbangtara. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat kesemua pihak.

22. HAD LIABILITI

- 22.1 Pelanggan hendaklah mengganti rugi sepenuhnya kepada Bank terhadap apa-apa kerosakan, kerugian atau kos atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada kegagalan Pelanggan dalam melaksanakan apa-apa kewajipannya berhubung dengan Terma dan Syarat ini.
- 22.2 Melainkan dengan nyatanya diperuntukkan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau kaedah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan). Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan sekali-kali bertanggungan terhadap apa-apa kehilangan untung, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan atau ganti rugi turutan, khas, sampingan, tidak langsung, teladan atau hukuman lain yang Pelanggan tanggung disebabkan oleh apa-apa kelewatian untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan atau melanggar apa-apa obligasi Bank.
- 22.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dalam walau apa-apa cara sekali pun bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau tanggungan berat yang dialami oleh Pelanggan oleh sebab apa-apa kelewatian dalam melaksanakan atau tidak melaksanakan apa-apa obligasi Bank dalam dokumen ini disebabkan oleh apa-apa punca di luar kawalan yang munasabah oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada punca seperti kegagalan, kepincangan tugas atau gangguan sistem komputer, elektronik, elektrik atau gangguan, terputus bekalan, kerosakan atau kegagalan bekalan elektrik atau kuasa bagi apa-apa tempoh masa.

23. YURAN DAN CAJ

- 23.1 Caj-caj yang dikenakan adalah berdasarkan kadar caj semasa Bank dan tertakluk pada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (sekiranya ada) atau apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Menteri yang berkenaan (sila rujuk Laman Sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my). Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan-peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM.
- 23.2 Bagi penggunaan Kad Agro Visa Debit-i, pihak Bank berhak untuk mengenakan Caj pra-kebenaran di mana ia merujuk kepada amaun pra-kebenaran yang akan didebitkan melalui Akaun apabila Pemegang Kad mengisi petrol dan membuat pembayaran menggunakan Kad di dispenser minyak automatik atau membuat bayaran untuk pendaftaran bilik di hotel menggunakan Kad atau apa-apa transaksi lain yang memerlukan kepada caj pra-kebenaran. Caj pra-kebenaran yang dimaksudkan adalah untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan apabila jumlah transaksi sebenar telah didebitkan melalui Akaun.
- 23.3 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj-caj berkaitan dengan Akaun Deposit dan Kad Agro Visa Debit-i dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau berkomunikasi mengenai perubahan tersebut dan notis atau apa-



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

apa komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak Pelanggan di alamat terkini disimpan oleh pihak Bank atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar atau e-mel atau laman sesawang atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau apa cara yang bersesuaian yang difikirkan oleh pihak Bank.

24. HAK UNTUK HAPUS KIRA

- 24.1 Pelanggan adalah bersetuju sebagai tambahan kepada lien am atau hak-hak lain yang serupa, di mana Bank sebagai jurubank adalah berhak mengikut undang-undang, pada bila-bila masa setelah memberikan tujuh (7) hari notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menggabung atau menyatukan salah satu atau kesemua akaun Bank Pelanggan dengan sebarang liabiliti Pelanggan bersama Bank dan menolak selesai atau memindah mana-mana jumlah atau jumlah kredit yang belum selesai atau kesemua jumlah yang ada di dalam akaun Bank Pelanggan atau terhadap jumlah penyelesaian bagi mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti Pelanggan tersebut adalah kontinjen, di luar jangkaan atau pada masa hadapan, pihak Bank adalah berhak untuk menahan mana-mana jumlah yang ada di dalam akaun Pelanggan bagi menampung setakat mana jumlah tanggungan Pelanggan bersama Bank.

25. FORCE MAJEURE

- 25.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan kerana mana-mana sebab di luar kawalan Bank, termasuk dan tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana semula jadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, perperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *Force Majeure* atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

26. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI DI BAWAH AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

- 26.1 Pelanggan bersetuju membenarkan Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindah, menyenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan kepada entiti lain termasuk cawangan di Malaysia dan pihak luar yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang disenaraikan dalam perkara 26.2 di bawah dengan syarat bagi data peribadi atau maklumat yang telah dimaklumkan oleh Pelanggan sebagai sulit, pihak yang menerima maklumat tersebut daripada Bank boleh diminta untuk mengakujanji bagi mengekalkan kerahsiaan data peribadi atau maklumat yang diterima.
- 26.2 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank menjalankan semakan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dalam permohonan Pelanggan untuk Akaun Deposit atau perkhidmatan dengan mana-mana biro atau perbadanan kredit yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberikan maklumat kredit atau maklumat lain. Selaras dengan perenggan ini, Pelanggan membenarkan CTOS atau mana-mana biro atau perbadanan kredit lain untuk mendedahkan apa-apa maklumat dan/ atau data yang



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

berkaitan dengan Pelanggan sebagaimana yang diperlukan oleh Bank untuk tujuan yang tersebut di atas.

- 26.3 Pelanggan juga membenarkan Bank mendedahkan hal ehwal atau akaun Pelanggan kepada:
- (i) kepada entiti dalaman Bank atas dasar keperluan, termasuk individu yang sedang menjalani latihan praktikal atau program latihan industri dengan Bank dan kakitangan Bank yang mempunyai hubungan dengan Pelanggan; atau
 - (ii) kepada Unit Kredit Sentral, BNM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk sepertimana dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) Pindaan 2017, mana-mana agensi kerajaan atau lain-lain pihak berkuasa yang Bank fikirkan perlu; atau
 - (iii) kepada mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan atau lain-lain penasihat profesional (termasuk pembekal sumber luaran, agen kutipan hutang, auditor Bank, peguam, agen, perunding); atau
 - (iv) Pihak Pemberi Sekuriti; atau
 - (v) kepada Takaful Iklhas Berhad atau syarikat takaful lain (jika perlu) sekiranya terdapat sebarang permohonan untuk perlindungan insurans takaful dikemukakan oleh Pelanggan kepada Takaful Iklhas Berhad atau syarikat takaful lain;
 - (vi) untuk atau berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang, saman atau prosiding berkenaan Kemudahan Pembiayaan atau sekuriti; atau
 - (vii) kepada mana-mana pihak ketiga, sekiranya diperlukan oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil; atau
 - (viii) kepada mana-mana pihak menurut kepada apa-apa pengaturan, komposisi, penstrukturran atau apa-apa cadangan pengaturan, komposisi atau penstrukturran antara kreditor Pelanggan; atau
 - (ix) menurut apa-apa peruntukan undang-undang atau sapina.

Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di bawah perenggan ini adalah untuk tujuan Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Akta 618) (dan termasuk apa-apa perubahan, modifikasi, penukaran dan pindaan ke atasnya) dan tiada keperluan kebenaran lanjut daripada Pelanggan untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan ini.

- 26.4 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank, kakitangannya, wakil dan/atau agennya boleh menghubungi Pelanggan dari masa ke masa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi termasuk tetapi tidak



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

terhad kepada panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.

- 26.5 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini semuanya benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan segera.
- 26.6 Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan terikat dengan terma-terma polisi PDPA seperti yang dipaparkan di laman web Bank di www.agrobank.com.my.

27. PERUNTUKAN SAMPINGAN

- 27.1 Terma dan Syarat dalam dokumen ini adalah tidak lengkap dan pihak Bank berhad menambah, mengubah suai atau menghapuskan mana-mana Terma dan Syarat dan apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau penghapusan tersebut hendaklah mengikat ke atas Pelanggan dan dianggap telah dibawa ke perhatian Pelanggan melalui paparan di Bank dan di mana-mana cawangannya dan/atau diiklankan melalui apa-apa cara lain yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank menurut budi bicara penuh dan mutlak serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan. Kesemua Terma dan Syarat dahulu hendaklah dibatalkan dan digantikan dengan Terma dan Syarat ini.
- 27.2 Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah pemasaran dan bahan-bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosi, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 27.3 Terma dan Syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia ini akan diguna pakai.

-TAMAT-